

**MODUL  
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN  
SPM 2019**

**MPP 3**

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 2**

NAMA : .....

KELAS : .....

**DIBIAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini  
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**Soalan 1: Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang insentif-insentif menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan kekangan-kekangannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Setiap ibu bapa pasti mempunyai impian dan harapan untuk melihat anak mereka berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading selepas menamatkan pelajaran pada peringkat sekolah. Namun begitu, ibu bapa sering memikirkan masalah apabila anak-anak mereka mendapat tawaran melanjutkan pelajaran terutamanya tentang kos yang tinggi untuk membayai yuran pengajian dan kos sara hidup anak-anak di universiti. Dalam hal ini, perancangan kewangan untuk anak-anak sejak kecil merupakan perkara paling penting dalam merealisasikan impian berkenaan. Sehubungan dengan itu, amalan menabung yang diamalkan oleh ibu bapa akan membantu mereka membayai kos pendidikan yang sempurna untuk anak-anak.

Kini, pelbagai institusi kewangan menawarkan perkhidmatan tabungan atau simpanan yang menjanjikan pulangan dividen yang tinggi tetapi ibu bapa perlu berhati-hati dalam membuat simpanan dan bijak memilih pelan tabungan terbaik untuk anak-anak mereka. Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) merupakan satu pilihan terbaik untuk ibu bapa menabung. Simpanan ini merupakan pelan tabungan pendidikan patuh syariah terbaik yang diperakui oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain itu, SSPN menawarkan dividen simpanan kompetitif pada setiap tahun dengan kadar 4 peratus. Perolehan daripada dividen ini dapat meningkatkan jumlah simpanan. Tambahan pula, skim ini dijamin oleh kerajaan dan penyimpan *mempunyai risiko* yang paling minimum dari segi keselamatan wang simpanan mereka.

Satu perkara yang kurang diketahui oleh penyimpan SSPN ialah simpanan ini turut menawarkan manfaat takaful bagi 36 penyakit kritikal seperti penyakit jantung, barah, diabetes, hipertensi dan penyakit buah pinggang. Hal ini menyebabkan ibu bapa tidak perlu memikirkan masalah untuk menampung kos rawatan anak-anak di universiti sekiranya mereka jatuh sakit. SSPN juga menawarkan manfaat perlindungan kemalangan sehingga RM1 juta dan khairat kematian kepada penyimpan, pasangan dan sehingga tiga orang anak. Walaupun manfaat ini tidak akan dinikmati oleh penyimpan sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya dapat meringankan beban ahli keluarga dalam meneruskan kehidupan. Bagi menggalakkan masyarakat menabung dalam SSPN, kerajaan telah mengumumkan satu insentif paling menarik semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2019, iaitu pelepasan taksiran cukai pendapatan pada setiap tahun kepada penyimpan sehingga RM8,000.00. Aspek pelepasan cukai ini sepatutnya diambil kira oleh ibu bapa dalam membuat sebarang pelaburan atau caruman kerana pelepasan cukai dapat mengurangkan jumlah cukai yang perlu dibayar pada setiap tahun dan mengukuhkan kewangan mereka.

Oleh itu, SSPN ialah instrumen simpanan terbaik yang wajar dipilih oleh ibu bapa, terutama bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang masih kecil. Kerajaan dilihat komited dalam meneruskan usaha menambah baik manfaat apabila mencarum dalam SSPN dengan cara ibu bapa boleh mencarum secara bulanan serendah RM30.00 sebulan bagi setiap anak dan boleh dilakukan dengan cara potongan gaji atau arahan bank. Jelas sekali, ibu bapa perlu merebut peluang yang ditawarkan oleh kerajaan demi masa hadapan anak-anak mereka bagi tujuan menyiapkan mereka dalam menanggung kos pengajian yang semakin meningkat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Rebut Tawaran Terbaik Menabung dalam SSPN'  
oleh Puteri Atikah Farhanah Mohd Ruzaidi  
*Berita Harian, 5 Disember 2018*

**Soalan 2 : Pemahaman****[ 35 markah ]****Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mempunyai risiko*.  
[2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa masalah yang difikirkan oleh ibu bapa apabila anak-anak mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di universiti.  
Nyatakan masalah-masalah tersebut.  
[3 markah]
- (iii) Selain menabung untuk anak-anak, apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk menjamin kehidupan anak-anak pada masa hadapan?  
[4 markah]

**Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Senarainya pasti bertambah panjang jika aku memasukkan bekas botol air mineral, pembungkus coklat, pembungkus gula-gula, resit pembelian, tiket feri, tiket muzium, beg plastik, dan baki duit syiling negara luar, ke dalam kategori cenderamata.

Jika semuanya dicampurkan, jumlah yang akan dibelanjakan sekitar USD300. Masih ada baki sebanyak USD100. Sengaja aku ketepikan untuk perkara-perkara yang tidak dijangkakan. Contohnya, barangkali ada persembahan kebudayaan yang perlu kubayar sendiri dan tidak termasuk dalam harga pakej lawatan. Rugi berjalan ke tempat orang kalau tidak sempat melihat kebudayaan dan kesenian mereka. Selain itu, aku mungkin ditimpa musibah dan perlu mendapatkan rawatan segera dengan menggunakan wang sendiri. Namun, aku berdoa agar ubat-ubat homeopati seperti Arnica 30c, Arsenik 30c, Arconite 30c, Rhus Tox 30c, dan Nux Vomica 30c yang terdapat di dalam beg dapat membantuku bertahan daripada sebarang alahan seperti cuaca sejuk, perbezaan makanan, serta aktiviti lasak. Aku juga sedar akan keadaan rambang mataku yang satu ini pantang berjumpa bahan bacaan. Biasanya, aku akan menghabiskan seluruh duitku untuk membeli buku dan majalah di mana-mana lapangan terbang di luar negara sebelum pulang ke tanah air.

Sesungguhnya, jaket kulit kijang dari Istanbul langsung tidak termasuk dalam senarai perancangan belanjawanku.

Dipetik daripada cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’  
oleh Maskiah Haji Masrom  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan, berikan **dua** alasan penulis tidak membelanjakan keseluruhan wangnya.  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah aktiviti pelancongan kepada masyarakat setempat?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.  
[4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap orang banyak. Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?" Maka sembah segala orang banyak itu, "Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku." Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah, Tun Bijaya Maha Menteri.

Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama *orang berasal*. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar." Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirlah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?" Maka sembahnya, "Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berikan maksud *orang berasal*.  
[2 markah]
- (ii) Apakah yang terjadi setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dilantik menjadi orang besar?  
[3 markah]
- (iii) Kestabilan politik dalam sesebuah negara berpunca daripada sokongan rakyat kepada pemimpin dan kerajaan.  
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pemimpin untuk memperoleh sokongan rakyat?  
[3 markah]

**Soalan 2 (d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Erti Hidup Bererti**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakkku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

**Teo Wei Sing**  
*Antologi Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan rangkap pertama sajak di atas, apakah keleluhan penyajak?

[2 markah]

(ii) Ibu bapa merupakan insan yang banyak berjasa dalam hidup kita.

Sebagai seorang anak, bagaimanakah cara yang patut anda lakukan untuk membalas jasa kedua-dua ibu bapa?

[3 markah]

(iii) Huraikan dua nilai yang terdapat dalam sajak di atas.

[4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan-perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) bangun
- (ii) pembangunan
- (iii) putih
- (iv) pemutihan
- (v) tempat
- (vi) petempatan

[6 markah]

- (b) Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut;

Subjek : \_\_\_\_\_  
 Predikat : \_\_\_\_\_

- (i) Yang memakai baju kurung berwarna kuning itu anak Haji Harun.
- (ii) Sejak di sekolah rendah lagi Fariz meminati pasukan bola sepak Liverpool.
- (iii) Keselamatan harta benda awam menjadi tanggungjawab setiap pihak di negara ini.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Robian telah menyiapkan pamphlet pertandingan bicara berirama yang akan belangsung pada hari Khamis nanti.
- (ii) Pasar raya terkenal itu memerlukan juru jual perempuan bagi mengisi kekosongan jawatan di kebanyakkan cawangan perniagaan mereka.
- (iii) Kepujian matapelajaran Bahasa Melayu merupakan syarat wajib dalam pemohonan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Setiap orang mempunyai tanggungjawab mengekalkan permainan tradisional dalam diri anak-anak sejak dari kecil supaya tidak pupus dimakan zaman.
- (ii) Hadiah kepada pemidato itu pengetua sampaikan di hadapan khalayak dan mendapat tepukan gemuruh sebagai tanda dorongan mereka.
- (iii) Syarikat MAB Sdn. Bhd. telah memberikan kos tambahan kepada pegawai keselamatan mereka di atas komitmen kerja yang cemerlang.

[6 markah]

(e) Kemukakan peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud peribahasa yang diberi.

- (i) Tempat berlangsungnya sesuatu acara.
- (ii) Kalau takut menanggung risiko, janganlah dekati bahaya.
- (iii) Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani, karya Beb Sabariah
- (vii) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- (viii) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

4(a) Unsur saspens dapat menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan novel.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua teknik saspens yang terdapat dalam novel tersebut.

**[7 markah]**

4(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari,uraikan satu pengajaran berkaitan kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

**[8 markah]****KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**